

14 MAR 1998

Najib-Pelajar

NAJIB AKAN BINCANG DENGAN PERDANA MENTERI MENGENAI KEDUDUKAN PELAJAR

PULAU PINANG, 14 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil kira pelbagai aspek sebelum membuat keputusan mengenai kedudukan pelajar Malaysia di luar negara, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata kebajikan pelajar terutama keperluan kursus yang mereka ikuti dan kemampuan universiti awam dan swasta menyediakan tempat untuk mereka akan diberi perhatian sebelum memanggil mereka pulang.

Katanya, beliau akan berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai perkara itu dan keputusan sama ada memanggil pulang atau sebaliknya pelajar berkenaan akan dibuat setelah kajian mendalam mengenai perkara itu selesai.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Bagan hari ini, beliau berkata, kerajaan tidak mahu membuat keputusan secara tergesa-gesa demi menjaga kepentingan pelajar berkenaan.

Najib berkata, Kementerian perlu memperuntukkan masa untuk mengadakan kajian itu dan mengambil kira semesta pengajian pelajar-pelajar di United Kingdom yang tamat pada Julai Ini.

Katanya, pelajar Malaysia di sana mungkin tidak menghadapi masalah mengenai pembiayaan kerana mereka dibayar dengan mata wang Pound Sterling tetapi masalah timbul kepada keluarga mereka berikutan peningkatan kos hidup di sana.

Terdahulu, ketika berucap, Najib memberi jaminan bahawa institusi Pengajian tinggi awam dan swasta tempatan mempunyai tempat yang mencukupi untuk menampung keperluan pelajar di negara ini.

Katanya, kesemua ini dapat disediakan dengan adanya reformasi pendidikan yang mengambil kira perancangan jangka panjang bidang pendidikan demi meninggikan martabat bangsa dan negara.

Beliau juga meminta anggota UMNO memastikan kekukuhan parti itu dengan menjaga disiplin serta etika mereka dan menambah "budaya baling kerusi" dalam parti perlu dielakkan.

Pada majlis itu juga, beliau menyerahkan surat kelulusan Kementerian Pendidikan kepada pengerusi Yayasan Restu Datuk Abdul Latiff Mirasa bagi membolehkan Yayasan itu mengendalikan intitusi pendidikan Swasta di Pulau Pinang. -- BERNAMA

ZU FAZ